

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 28 FEBRUARI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L22971

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah produktiviti CPO dan CPKO serta kepenggunaan mengikut negeri dan daerah dari tahun 2013 hingga 2023; dan
- (b) berapakah kuantiti kontrak metrik tan mengikut negara dan capaian eksport CPO dan produk sawit secara pukal serta pempakejan dari tahun 2013 hingga 2023.

2. PR-1531-L23861

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bagi menarik minat graduan perubatan untuk kekal berkhidmat dalam sektor kesihatan awam negara susulan tindakan Kerajaan menghapuskan skim pensen penjawat awam bermula 2025.

3. PR-1531-L22890

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuh dan membina Sosco Rehabilitation Centre di Sarawak bagi memudahkan pesakit yang perlu menjalani rawatan pemulihan.

4. PR-1531-L24321

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perincian strategi Kementerian dalam memenuhi matlamat untuk mengurangkan import bawang sebanyak 30 peratus ketika ini.

5. PR-1531-L22822

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah yang telah diperuntukkan pada tahun 2023 dan 2024 untuk membaik pulih atau menaik taraf jalan-jalan raya di kawasan Klang. Selain itu, apakah status terkini projek-projek penaiktarafan jalan raya yang sedang dilaksanakan di kawasan Klang.

6. PR-1531-L22754

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) bagaimana Kementerian menilai sasaran 10,000 stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) beroperasi di negara ini menjelang 2025 adalah praktikal untuk dilaksanakan sedangkan jumlah pengguna EV masih rendah; dan
- (b) apakah galakkan yang disediakan bagi menarik minat lebih ramai golongan M40 untuk berkemampuan memiliki EV pada masa akan datang.

7. PR-1531-L22905

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan untuk memberikan peruntukan bagi tujuan membaiki dan menaiktaraf bangunan Petroleum Muzium Miri dan bangunan lama Pejabat Residen Miri yang terletak di pusat bandar raya supaya merangsang pelancongan di Miri.

8. PR-1531-L24158

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah rumah generasi kedua FELCRA yang sudah dibina setakat ini dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menambah lagi pembinaan rumah tersebut; dan
- (b) syarat-syarat untuk memiliki rumah generasi kedua FELCRA memandangkan kerenah birokrasi pihak pengurusan FELCRA menyebabkan ada beberapa projek generasi kedua tertangguh.

9. PR-1531-L22769

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memanfaatkan pendigitalan, terutamanya MySejahtera dalam mengengkang penularan wabak COVID-19 baru-baru ini.

10. PR-1531-L24070
Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam memastikan keperluan bekalan air batu kepada bot nelayan di kawasan Kuantan mencukupi.
11. PR-1531-L23678
Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan doktor pakar warga tempatan yang bekerja di luar negara yang dibawa pulang untuk berkhidmat di negara ini dan nyatakan langkah Kementerian bagi membawa pulang lebih ramai tenaga pakar berkenaan.
12. PR-1531-L23410
Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini cadangan pembinaan dan menaik taraf Laluan FT 270 Sungai Layar-Semeling dan apakah jaminan Kementerian bahawa projek ini akan diteruskan sehingga siap dan mencapai objektif utamanya untuk menyediakan jaringan perhubungan darat kepada penduduk setempat dan menyelesaikan kesesakan lalu lintas di situ.
13. PR-1531-L22821
Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha Kementerian menjadikan Batu Pahat lokasi tarikan pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
14. PR-1531-L23419
Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah jenis rancangan pembangunan nelayan yang ditawarkan termasuk kepada nelayan di Parlimen Langkawi supaya mereka lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam aktiviti penangkapan ikan sekaligus meningkatkan lagi pendapatan isi rumah mereka.
15. PR-1531-L22868
Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan terkini sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dari sudut jumlah pendaftaran dan bagaimanakah data-data ini telah dimanfaatkan oleh Kerajaan.

16. PR-1531-L23000

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini bagi permohonan Pembinaan Jambatan Baru Merentasi Sungai Galas, di Kampung Batu 6, Gua Musang. Sebagaimana diketahui, KESEDAR adalah agensi pelaksana bagi projek pembinaan tersebut.

17. PR-1531-L22775

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan negara mana di Asia Tenggara yang paling menarik minat pelabur China sebagai destinasi pelaburan mereka. Berapa jumlah pelaburan China di Malaysia dari tahun 2020 - 2023. Senaraikan mengikut negeri.

18. PR-1531-L23385

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian dalam membela kebajikan pekerja *e-hailing* di seluruh termasuk rundingan yang diadakan dengan syarikat Grab ekoran insiden protes terhadap struktur kadar bayaran baharu yang dikenakan.

19. PR-1531-L22732

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) apakah status semasa rancangan atau inisiatif yang bertujuan untuk menambah baik perhubungan jalan raya antara Georgetown dan Batu Ferringhi; dan
- (b) adakah sebarang kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan untuk menilai faedah ekonomi dan potensi rangsangan pelancongan yang boleh terhasil daripada pembinaan jalan raya yang lebih baik di kawasan ini.

20. PR-1531-L23351

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah nilai import produk makanan negara bagi tahun 2023 serta apakah strategi terperinci yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran domestik dalam bidang pertanian.

21. PR-1531-L22705

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Skim Gaji Progresif tidak akan menjejaskan pelaksanaan Skim Gaji Minimum bagi pekerja-pekerja di Malaysia.

22. PR-1531-L23379

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah punca yang mendorong Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) berterusan merekodkan aliran negatif terutama bagi Disember 2023 dan mengapa masalah ini tidak dapat ditangani lebih awal oleh Kerajaan.

23. PR-1531-L22956

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) mekanisme terkini dalam menentukan harga getah ekoran harga getah masih berada di paras rendah dan perlu ditambah baik mengikut keperluan terkini; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil dalam usaha untuk menangani isu kekurangan tenaga kerja tempatan dan asing dalam sektor getah negara.

24. PR-1531-L22721

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilangan rakyat negara ini yang dikategorikan sebagai miskin tegar bagi tahun 2023 dan nyatakan apakah langkah Kementerian bagi menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan rakyat serta nyatakan setakat manakah pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat sehingga kini.

25. PR-1531-L22806

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) jumlah jawatan *speech and language therapist* (SLT) di Kementerian dan berapakah yang telah diisi; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah kekurangan SLT di sektor awam dan swasta.

26. PR-1531-L23357

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan KKR untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf dan baik pulih jalan-jalan Persekutuan dalam parlimen Bukit Gantang iaitu laluan FT 060 serta laluan FT001, FT074 dan FT 3146 yang menghubungkan jalan Butterworth - Kuala Kangsar - Ipoh dan Jalan Changkat Jering - Batu Hampar - Klang bagi tahun 2024. Berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan pada tahun ini.

27. PR-1531-L22790

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah bangunan baru Hospital Tawau boleh digunakan sekarang, seperti dijanjikan siap pada Disember 2023. Sekarang pesakit dan keluarga dari Tawau terpaksa ke hospital di Kota Kinabalu yang jaraknya hampir 500km serta terpaksa menanggung ribuan ringgit yang merangkumi kos pengangkutan dan logistik.

28. PR-1531-L24100

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membantu pengusaha pelancongan dan inap desa bagi mempromosikan perkhidmatan mereka di medium digital dengan bantuan geran pengiklanan kepada pengusaha-pengusaha ini dalam mempromosikan pelancongan di dalam negara.

29. PR-1531-L22840

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada sumber import bagi bahan mentah untuk makanan ternakan di Malaysia.

30. PR-1531-L23221

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sekiranya Kementerian mempunyai rancangan pelaksanaan untuk mewajibkan syarikat sektor swasta dalam memberikan elaun latihan industri atau Kementerian akan mewujudkan akta khusus bagi membolehkan tindakan diambil sekiranya mereka enggan bayar elaun pelajar latihan industri.

31. PR-1531-L23587

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian bagi membuka kawasan tanaman serai dan halia secara besar-besaran di kawasan kampung seluruh negara dan adakah ini akan menjadi Malaysia sebagai pengeksport utama memandangkan permintaan tinggi produk berkenaan di dalam dan luar negara.

32. PR-1531-L23304

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pelaburan (FDI dan DDI) yang diterima bagi tahun 2023 dan berapakah jumlah pelaburan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan; dan

- (b) berapakah jumlah peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan dari pelaburan bagi tahun 2023.

33. PR-1531-L22796

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah PLUS akan membina lebuh raya bertingkat atau *by-pass* di antara Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau Pinang sebagai usaha dalam menangani kesesakan di Lebuh Raya Utara - Selatan. Jika ya, bila, sekiranya tidak, apakah alternatifnya.

34. PR-1531-L23408

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk memperkenalkan semula Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil yang mana pelaksanaannya berfokus dan bersasar kepada pekebun kecil sawit kategori B40 bagi melaksanakan aktiviti penanaman semula sawit yang telah tua dan tidak lagi produktif.

35. PR-1531-L22780

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan Kerajaan kini mula melaksanakan sistem PADU, tetapi ada yang enggan mendaftar kerana tidak pernah mendapat subsidi ataupun tidak layak untuk mendapat apa-apa subsidi bagi mereka. Dalam situasi ini, adakah Kerajaan mempunyai langkah yang sepadan untuk mengatasinya.

36. PR-1531-L23446

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah kawasan Parlimen Gerik akan dijadikan hub pengeluaran makanan memandangkan kawasan ini mempunyai keluasan tanah yang mencukupi.

37. PR-1531-L22794

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan insentif yang diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan taman-taman perindustrian yang pintar, moden dan mampan dalam usaha menarik pelaburan secara berterusan. Adakah Kerajaan memiliki *blueprint* berhubung keperluan modal insan dan infrastruktur dan sesi libat urus yang dijalankan bersama pemegang taruh bagi setiap negeri.

38. PR-1531-L22871
Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membantu syarikat yang dilantik sebagai panel pemborong Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) mendapatkan bekalan mencukupi mengikut kuota 200 tan metrik seperti yang ditetapkan Kementerian.
39. PR-1531-L23982
Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status permohonan oleh doktor-doktor yang telah sekian lama berjuang untuk mendapatkan status tetap berikutan keputusan Kerajaan yang telah memutuskan hanya menawarkan kerja berstatus kontrak dalam sektor Kerajaan dan apakah kesan keputusan Kerajaan menghapuskan skim pencen penjawat awam dalam sektor kesihatan.
40. PR-1531-L23663
Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian Kerajaan untuk membuat perubahan dalam memerangi kanser memandangkan Malaysia akan mencatat hampir 100,000 pesakit kes kanser baharu menjelang 2040 berdasarkan laporan Globalcon.
41. PR-1531-L23222
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan bagi mengiktiraf anggaran 500,000 pekerja ekonomi gig dalam Akta Kerja 1955 atau akta khas bagi melindungi kebajikan pekerja ekonomi gig.
42. PR-1531-L22848
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini usaha mewujudkan badan penarafan tunggal program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyeragamkan kualiti program yang ditawarkan di institusi TVET.
43. PR-1531-L23398
Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan setakat manakah MOTAC dapat membangunkan sektor pelancongan sukan negara khususnya di negeri Perlis pada tahun 2024 dan tahun-tahun seterusnya.

44. PR-1531-L23876

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor pakar yang masih berkhidmat dengan Kerajaan mengikut bidang dan apakah langkah bagi memastikan jumlah doktor pakar mencukupi dalam semua bidang termasuk bidang kritikal.

45. PR-1531-L22740

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya Kementerian bercadang untuk menaik taraf Hospital Besar Pulau Pinang terutamanya kemudahan pesakit luar dan kemudahan tempat letak kereta.

46. PR-1531-L23311

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memeterai kerjasama ekonomi dengan Thailand bagi membangunkan 'Special Border Economic Zone (SBEZ)' khususnya antara Kedah dan Selatan Thailand sama seperti yang dicadangkan dengan Singapura.

47. PR-1531-L22884

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) bagaimana bantuan Community-Based Tourism (CoBT) diturunkan kepada pengusaha CoBT di Sabah dan adakah terdapat agensi khusus yang bertanggungjawab dalam penyelarasan bantuan ini dan adakah bantuan tersebut disalurkan dalam bentuk kewangan atau bentuk fizikal seperti peralatan atau latihan khusus; dan
- (b) adakah panduan khusus yang dapat digunapakai oleh semua pengusaha CoBT agar mereka dapat memenuhi keperluan (*requirements*) antarabangsa.

48. PR-1531-L23352

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan khusus Kementerian berhubung inisiatif 'Gelombang Padi' termasuk program-program yang bakal dilaksanakan mengikut negeri serta garis masa pelaksanaannya.

49. PR-1531-L23591

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini projek rintis ladang ternakan lembu bersaiz mega di Negeri Sembilan dan sejauh mana projek ini mampu membantu menampung keperluan bekalan daging mentah negara.

50. PR-1531-L24222

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan susulan dari pihak Kementerian terhadap cadangan merehatkan tanaman padi beberapa musim bagi tujuan memulihkan tanah dan penyelenggaraan sistem perparitan; dan
- (b) adakah para petani akan diberi pampasan yang sewajarnya bagi menampung sara hidup.

51. PR-1531-L23147

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan awal Kementerian Kesihatan bagi mempromosikan kesedaran larangan menjual atau memberi perkhidmatan kepada OBD (orang belum dewasa) berikutan usul RUU merokok demi kesihatan awam telah pun diluluskan dalam Dewan Negara pada akhir Disember 2023 dan ucapan tahniah diucapkan diatas keberanian Menteri Kesihatan kerana menyegerakan usul tersebut.

52. PR-1531-L23635

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf bangunan Klinik Kesihatan Kemabong dan Klinik Kesihatan Melalap serta membina baharu Klinik Kesihatan dan Kecemasan di Pangie, Tenom. Sekiranya ya bilakah ia akan dilaksanakan.

53. PR-1531-L22706

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan ke manakah perginya beras tempatan sehingga orang ramai berdepan kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan. Adakah wujudnya unsur mafia dalam industri beras di Malaysia.

54. PR-1531-L22757

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian berhubung laporan kadar harga ubat-ubatan dan produk farmaseutikal di negara ini yang dijangka akan meningkat antara lima hingga 10 peratus dan apakah persediaan oleh Kementerian bagi sekurang-kurangnya menyerap kenaikan harga ini dan tidak membebankan para pengguna.

55. PR-1531-L22813

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana PADU boleh membantu perancangan Kerajaan serta beberapa Kementerian dalam menentukan taburan prasarana seperti sekolah, hospital, balai bomba dan balai polis dengan lebih sekata mengikut kawasan .

56. PR-1531-L23396

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah MOTAC bersedia mengadakan kursus berkaitan kerjaya pemandu pelancong kerana kerjaya pemandu pelancong dapat membantu para belia menambahkan pendapatan mereka.

57. PR-1531-L22829

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kejayaan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sejak ianya dilancarkan pada 26 Februari 2023. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk mendaftar lebih ramai peserta untuk menyertai program ini dan mohon statistik peserta mengikut daerah di negeri Perak.

58. PR-1531-L22998

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini proses naik taraf Hospital Gua Musang berkenaan kemudahan perubatan, pertambahan doktor pakar dan pegawai perubatan. Apakah kelengkapan perubatan terbaru dan berapa bilangan doktor pakar tetap di Hospital Gua Musang sehingga akhir bulan Disember 2023.

59. PR-1531-L22853

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan statistik pengeluaran beras putih tempatan dari tahun 2019 sehingga 2023 dan apakah kadar sasaran pengeluaran beras putih tempatan untuk lima tahun akan datang.

60. PR-1531-L24144
Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah Projek Koridor Latex Pantai Timur telah dilaksanakan dan keberhasilannya secara menyeluruh.
61. PR-1531-L22830
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) pertumbuhan ekonomi dalam negeri menjadi salah satu dasar utama Kementerian khususnya dalam perindustrian atau perkilangan; dan
 - (b) apakah langkah strategi yang sedang diambil untuk memastikan daerah-daerah kecil yang tidak ada Zon Perindustrian, dirancahkan menjadi lokasi pilihan bagi menarik pelabur-pelabur untuk mendirikan industri baru.
62. PR-1531-L22720
Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status perancangan dalam merangka undang-undang anti Ali Baba dan tindakan undang-undang bagi kesalahan ini serta apakah rasional untuk memperkenalkan undang-undang ini.
63. PR-1531-L23552
Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kaedah pelaksanaan penetapan harga lantai belian padi sebanyak RM1,300 per tan dan adakah pesawah kecil juga dapat menjual hasil tuaian mereka berdasarkan penetapan harga tersebut serta bantuan-bantuan lain yang disediakan untuk meningkatkan pendapatan pesawah kecil.
64. PR-1531-L22845
Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah inisiatif dan usaha oleh Kementerian untuk mempelbagaikan produk hiliran lada dan nyatakan usaha untuk menggalakkan usahawan tempatan terlibat dalam industri tersebut serta nilai terkini produk hiliran lada yang berjaya dieksport.

65. PR-1531-L22881

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan Persekutuan yang dinyatakan dalam RMKe-12 dan pendekatan-pendekatan baharu yang dilaksanakan dalam usaha untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:-

- (a) mengurangkan jurang pembangunan di antara wilayah dan negeri; dan
- (b) membantu Kerajaan negeri meningkatkan pertumbuhan ekonomi khususnya yang melibatkan isu keterjaminan makanan dan pembangunan sektor strategik.

66. PR-1531-L22964

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah yang diambil bagi memastikan beras tempatan cukup di pasaran; dan
- (b) apakah langkah yang diambil bagi menghapuskan kartel yang mengawal harga dan pengeluaran beras tempatan.

67. PR-1531-L22892

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek membesarkan jalan Persekutuan Serian/Tebedu kepada *dual carriageway* (4 lorong) akan dilaksanakan.

68. PR-1531-L22743

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan butiran mengenai program pembangunan desa yang sedang dilaksanakan, khususnya dalam memperbaiki infrastruktur dan kemudahan lain bagi meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar terutama sekali di kawasan P202 Sri Aman .

69. PR-1531-L23132

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi kesan daripada perubahan iklim terhadap pengeluaran bahan mentah makanan dan bagaimanakah industri pertanian berinovasi dan ditransformasikan sepanjang perjalanan menghadapi impak perubahan iklim ini.

70. PR-1531-L24370
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini pelaburan sebanyak RM170 bilion yang telah dijanjikan hasil lawatan kerja rasmi ke China pada April 2023 dan berapakah jumlah sebenar wang yang dilaburkan sehingga hari ini.
71. PR-1531-L23967
Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini kadar kemiskinan di bandar dan di luar bandar selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan dalam negara berakhir 31 Disember 2023 lalu.
72. PR-1531-L22763
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan cadangan Thailand untuk membina sebuah terusan di dalam negara mereka yang mengehendkan potensi Malaysia sebagai sebuah hub persinggahan perdagangan dunia.
73. PR-1531-L23691
Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah agensi tunggal bagi menyelaras program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya lebih terurus dan berfokus berlandaskan gagasan Ekonomi MADANI.
74. PR-1531-L23863
Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini akta anti-Ali Baba bagi membendung kegiatan menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing yang semakin berleluasa dalam sektor ekonomi gig dan peruncitan.
75. PR-1531-L22744
Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melindungi pekerja daripada penipuan kerja dalam talian, termasuk skim pekerjaan palsu atau penipuan upah .
76. PR-1531-L22851
Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah intervensi dan sasaran Kerajaan bagi meningkatkan trend eksport negara yang telah mencatatkan kemerosotan berpanjangan pada tahun 2023.

77. PR-1531-L23383

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan terperinci Kerajaan dalam memacu agenda golongan Bumiputera dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang termasuk keberhasilan Kongres Ekonomi Bumiputera.

78. PR-1531-L24252

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawî [Tumpat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan Jambatan Pengkalan Kubur - Takbai kerana ia merupakan satu projek mega yang akan memberi impak besar kepada negeri Kelantan dan hubungan dua hala antara negara Thailand dengan Malaysia.

79. PR-1531-L23416

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian dalam mewujudkan pelbagai program peluang pekerjaan khususnya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang hilang pekerjaan akibat pandemik yang lalu dan nyatakan peratusan yang berjaya kembali bekerja masa kini dan bagaimanakah pihak Kementerian mengukur keberkesanan program ini.

80. PR-1531-L22849

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha serta perancangan yang telah dirangka oleh Kementerian bagi mendepani cabaran demografi negara tua menjelang tahun 2030.

81. PR-1531-L23917

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan projek penaiktarafan infrastruktur pengairan dan saliran bagi Skim Pengairan Semerak Hilir, IADA Kemasin Semerak, Mukim Semerak Pasir Puteh yang tersenarai dalam RMKe-12 memandangkan projek telah tertangguh begitu lama.

82. PR-1531-L23923

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan projek menaik taraf jalan dari persimpangan Jalan Langgar ke Kepala Batas yang masih belum selesai sejak pengambilan tanah pada tahun 2007 lagi.

83. PR-1531-L23272

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah klinik Kesihatan di Sarawak yang masih berada di dalam keadaan daif dan senaraikan klinik yang akan dinaiktaraf atau dibina baharu oleh pihak Kementerian termasuk di kawasan Parlimen Igan.

84. PR-1531-L23546

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan cadangan pembinaan Lebuhraya Madani Seremban - Kuala Pilah - Bahau setakat ini dan jangkaan ia boleh dilalui.

85. PR-1531-L23922

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan menurap baki jalan persekutuan di penghujung Jalan Ulu Awik-Ulu Kabo sepanjang lebih kurang 10km sahaja lagi.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (27 Februari 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam] | |

7. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

8. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

11. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

12. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

13. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

14. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

15. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

16. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

18. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

19. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

21. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu- bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 214	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Tahun 2021	28 Februari 2024
ST. 215	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu Bagi Tahun 2021	28 Februari 2024
<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2021	28 Februari 2024
ST. 19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2021	28 Februari 2024
ST. 20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2022	28 Februari 2024
ST. 23	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan Bagi Tahun 2021	28 Februari 2024
ST. 33	AKTA EKSTRADISI 1992 Perintah Ekstradisi (Republik Islam Iran) 2023 P.U. (A) 380/2023 diwartakan pada 15 Disember 2023	28 Februari 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
28.02.2024 (Rabu)	1. YB Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)	1. Isu Perumahan Generasi Baru FELDA Lasah 2. Isu Kewarganegaraan	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Dalam Negeri
	2. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	3. Keperluan Pembinaan Pondok Polis Alor Lek 4. Anggaran Kos Penyelenggaraan Jalan bagi Parlimen Setiu	3. YB Menteri Dalam Negeri 4. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**